

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

6. Adakah Yayasan Islam masih wujud?
- (a) Apakah peranan Yayasan Islam?
  - (b) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Yayasan Islam?
  - (c) Kemanakah wang peruntukan dibelanjakan untuk manfaat umat Islam?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) masih wujud dan beroperasi di pejabat yang beralamat No.3.08. Menara Boustead, 39,Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 Pulau Pinang.
- (a) Peranan YIPP adalah memberi fokus ke arah meningkatkan kemajuan ummah di dalam empat (4) bidang utama iaitu Pendidikan & Dakwah, Pelancongan Islam, Pembangunan Kesihatan dan Pembangunan Hartanah. YIPP juga memainkan peranan penting sebagai *complimentary role* ke arah memperkasakan pembangunan ummah di Pulau Pinang.
  - (b) YIPP mendapat peruntukan secara geran tahunan berjumlah RM800,000 daripada Kerajaan Negeri bagi pembiayaan pengurusan dan pelaksanaan program YIPP.

- (c) Wang peruntukan dibelanjakan untuk manfaat umat Islam dengan melaksanakan pelbagai program berbentuk dakwah, pendidikan, pembangunan modal insan dan pelancongan islam. Di antara program yang dilaksanakan oleh YIPP adalah seperti berikut :-
- (i) Mengadakan program di Tapak Warisan Dunia UNESCO untuk mempromosikan pelancongan Islam melalui Galeri Haji sejak 2014. Melalui pembukaan Galeri Haji, YIPP telah bekerjasama dengan Taman Warisan Melayu Kampung Gelam Singapura dan juga menjadi Pusat Rujukan Muzium lain seperti Muzium Perak.
  - (ii) Menganjurkan Bengkel Khat di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam. YIPP telah bekerjasama dengan tenaga - tenaga pengajar seni khat Pulau Pinang dalam memupuk dan membentuk para pelajar yang mahir dalam seni khat. Antara pencapaian dalam bidang ini adalah pelajar dari Pulau Pinang berjaya mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Seni Khat Kebangsaan Peringkat Sekolah Menengah.
  - (iii) Mengadakan Kerjasama dengan Pusat Pengajian Pengurusan USM untuk menganjurkan program Kursus Asas Perniagaan yang diadakan pada setiap minggu di Kampus Induk USM.
  - (iv) Menganjurkan Program Jelajah Masjid yang kini memasuki tahun ke-5 . Program ini bertujuan mengeratkan hubungan di antara pimpinan kariah serta kepimpinan negeri. Ia telah berjaya mencapai matlamat untuk menghubungkan silaturahmi pelbagai pihak dan seterusnya ke arah mengukuhkan kefahaman umat Islam untuk mengimarahkan kariah dan masjid. Program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.
  - (v) Menganjurkan Kem Kepimpinan Belia Islam, iaitu program yang bertujuan mengetengahkan dan menggerakkan potensi belia yang matlamatnya dapat disumbangkan kepada masyarakat, membina daya kreatif belia dengan mengembleng sumber yang ada di sekitar masyarakat

setempat serta melahirkan bakal pemimpin generasi muda yang seimbang dari segi ilmu dan kerohanian.

- (vi) Mengadakan Smart Qaryah Series iaitu program perkongsian kemahiran secara *Peer to Peer* (P2P) dalam usaha peningkatan kemahiran melalui pertukaran tips, maklumat serta teknik yang kini menjadi keperluan asas dalam perkembangan karier dan keusahawanan.
- (vii) Menganjurkan Program Pengukuhan Jawatankuasa Kariah Masjid iaitu suatu inisiatif bagi mengukuhkan semula peranan dan fungsi masjid di Pulau Pinang agar konsep masjid madani dapat diterapkan dan dibangunkan di setiap masjid. Program ini juga dapat memberi pendedahan kepada jawatankuasa kariah kepada pengurusan dan tatakelola yang baik selain menjana kepimpinan yang mampan dan berkesan serta mewujudkan perpaduan antara ahli kariah.